

KEPENTINGAN PENGAJARAN AL-QURAN UNTUK PERKEMBANGAN PSIKOLOGI ANAK-ANAK AUTISME

Salmihah Che Mud
Fariza Md Sham
Manisah Mohd Ali
Zuliza Mohd Kusrin

ABSTRAK

Peningkatan kadar kelahiran anak-anak autisme memerlukan satu kaedah alternatif dalam menangani permasalahan emosi mereka. Antara kaedah yang berjaya dibuktikan secara empirikal untuk menenangkan emosi anak-anak autisme adalah dengan pengajaran al-Quran. Pengajaran al-Quran didapati penting untuk diterapkan dalam diri anak autisme itu bagi mewujudkan ketenangan emosi mereka. Selain daripada ditekankan terapi untuk fizikal anak autisme, ibu bapa juga perlu memberi perhatian kepada aspek keagamaan terutamanya dalam menyediakan keperluan untuk anaknya mempelajari al-Quran. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji tentang keperluan pengajaran al-Quran penting kepada perkembangan psikologi anak-anak autisme. Kaedah kajian ialah analisis dokumen melalui artikel, buku-buku dan yang berkaitan dengan autisme serta kepentingan pengajaran al-Quran. Kajian ini juga melibatkan kaedah temubual berstruktur bersama ibu bapa dan guru-guru di Yayasan Faqeh. Data terkumpul dianalisis secara diskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati pengajaran al-Quran adalah penting dalam perkembangan psikologi anak-anak autisme iaitu, al-Quran bertindak sebagai penawar atau shifa' kepada anak autisme, al-Quran memberi ketenangan kepada jiwa, dapat mengurangkan tingkah laku tantrum dan seksualiti yang dihadapi oleh anak autisme dan menjadi satu amalan ibadah kepada anak autisme. Kajian juga mendapati ibu bapa bertanggungjawab dalam mengajarkan pendidikan al-Quran untuk anak autisme. Sumbangan kajian membuktikan pengajaran al-Quran berupaya membantu anak autisme membaca al-Quran dan sebagai spiritual dalam membentuk psikologi yang baik. Malah, ianya dapat menyumbang memberi motivasi dan keperluan untuk ibu bapa dalam mendidik anak autisme mempelajari pengajaran agama. Implikasi kajian ialah pengajaran al-Quran boleh diaplikasi di pusat-pusat jagaan atau sekolah pendidikan khas untuk orang kelainan upaya (OKU). Ini merupakan kaedah alternatif dalam usaha membantu anak autisme untuk perkembangan psikologi yang lebih baik dan mengurangkan tahap tingkah laku anak autisme itu sendiri.

Kata kunci: kepentingan; pengajaran al-Quran; perkembangan; psikologi; anak autisme.

PENGENALAN

Kebanyakan masyarakat tidak mengenali apakah perbezaan antara anak autisme dengan anak yang bukan autisme. Ini kerana, sekiranya individu tidak mempunyai maklumat, individu tersebut tidak dapat membezakannya kerana anak autisme kelihatan dari luaran seperti anak tipikal yang lain. Namun setelah didekati, baru disedari pada mereka terdapat perilaku yang unik dan misteri. Enggan bertentang mata, sukar memberi senyuman, gemar menyendiri dan sukar untuk bergaul merupakan beberapa ciri perwatakan yang menimbulkan perkara asing kepada orang yang tidak mengenali mereka. Keganjilan perilaku anak autisme mungkin hanya disedari oleh sesetengah orang sahaja. Bagi individu yang memahami perwatakan mereka, hal ini bukan sesuatu yang luar biasa tetapi bagi individu yang tidak mengenali, mereka menganggap anak autisme adalah individu yang pelik, aneh, misteri dan sukar untuk didekati.

Selain itu, dalam kalangan mereka terdapat juga yang mempunyai tahap atau darjah serius yang tersendiri dan berbeza dengan individu lain walaupun masih dalam kategori autisme. Oleh yang demikian, tidak hairan jika ada yang masih boleh bersekolah dan menjadi golongan terpelajar, seterusnya berkerjaya dan juga berkeluarga. Namun, terdapat juga yang tidak mampu untuk menguruskan keperluan diri sendiri apatah lagi berkomunikasi dengan orang sekelilingnya. Namun begitu, kesedaran masyarakat tentang kepentingan menerapkan pendidikan al-Quran untuk anak autisme masih kurang. Ini kerana kebanyakan beranggapan bahawa anak autisme tidak tertaklif dalam menunaikan kewajipan kepada Allah SWT. Tambahan pula, ibu bapa atau guru tidak menemui kaedah yang sesuai untuk mengajar al-Quran, menyebabkan mereka sukar dalam mengajar al-Quran untuk anak autisme. Sedangkan, pendidikan al-Quran penting untuk anak autisme sebagai satu kaedah spiritual untuk perkembangan psikologi dan membentuk emosi yang tenang untuk anak-anak ini.

Usaha memberi ruang dan peluang beragama khususnya kepada golongan orang kelainan upaya (OKU) merupakan tuntutan fardhu ain dan wajib dilaksanakan oleh semua pihak baik ibu bapa, guru dan masyarakat. Sekiranya ditinjau dalam konteks pendidikan agama dalam kalangan OKU khususnya dalam kalangan anak-anak istimewa, ruang dan peluang mereka untuk merasai indahnya hidup beragama boleh dikatakan hampir tiada terutama bagi kategori yang mengalami masalah pendengaran dan masalah pembelajaran. Masyarakat sering menganggap ketidakupayaan mereka, maka pendidikan agama tidak perlu diberikan kepada golongan ini.

Ketidakupayaan yang dialami oleh anak istimewa ini bukan satu alasan untuk membina jurang dan tembok pemisah dalam melaksanakan kewajipan kepada Allah SWT. Anak istimewa juga perlu diberi pendedahan dan diajarkan kepada mereka ilmu

agama seperti solat, puasa, membaca al-Quran dan lain-lain mengikut kadar kemampuan mereka. Mereka juga berhak memperoleh hak yang sama seperti anak tipikal yang lain terutamanya dalam kehidupan beragama. Perkembangan yang agak baik apabila kesedaran mula timbul dalam kalangan ibu bapa tentang pentingnya pendidikan agama kepada anak istimewa. Malah, kepesatan perkembangan dunia yang mencabar pada hari ini, kebanyakan ibu bapa memilih pendidikan agama diutamakan untuk anak mereka. Bahkan sejak akhir-akhir ini juga, ramai ibu bapa yang sudah terbuka terutamanya dalam menyediakan pendidikan agama diterapkan kepada anak istimewa termasuk anak-anak autisme.

Salah satu perkara yang menjadi penekanan penting untuk ibu bapa memberi perhatian dalam pendidikan anak-anak ialah pendidikan al-Quran. Pengajaran al-Quran perlu bermula daripada ibu bapa dengan mengajar al-Quran anak autisme sejak kecil, menghantar mereka ke kelas pengajian agama, memberi galakan untuk membaca al-Quran dan memberi penghargaan seperti hadiah apabila anak autisme dapat membaca al-Quran dengan sebaik mungkin (Fariza et al. 2017: 80). Pengajaran al-Quran perlu diterapkan dan diajarkan kepada anak autisme agar mereka mampu mengikuti dan mempelajari al-Quran dengan baik. Pengajaran al-Quran juga didapati mampu membantu spiritual untuk perkembangan psikologi dan membentuk emosi yang tenang anak autisme. Anak autisme seringkali didedahkan dengan terapi untuk menguatkan fizikal mereka seperti terapi percakapan, terapi renang, terapi berkuda dan lain-lain lagi. Tetapi, terapi spiritual atau kerohanian masih kurang diterapkan untuk anak-anak autisme. Sedangkan, perkara berkaitan dengan kerohanian seperti ibadat, akhlak dan lain-lain lagi tidak boleh diketepikan sama sekali kerana ianya tidak boleh dipisahkan antara perkara rohani dan jasmani.

Oleh itu, pengajaran al-Quran adalah suatu perkara penting yang perlu ditekankan dalam usaha untuk membantu anak autisme belajar al-Quran dengan baik. Ianya perlu diajar di peringkat awal usia lagi kerana anak autisme diajar menunaikan solat, maka secara tidak langsung, mereka perlu pandai membaca ayat suci al-Quran untuk dibacakan ketika solat. Malah, anak autisme juga perlu mendapat pendidikan al-Quran dengan mengikuti kelas pengajian al-Quran yang sesuai untuk mereka dan menerapkan kaedah yang boleh diikuti dengan baik oleh anak autisme ini. Oleh itu, artikel ini adalah untuk membincangkan tentang keperluan pengajaran al-Quran untuk perkembangan psikologi anak autisme. Artikel ini memuatkan latar belakang kajian, tinjauan literatur, metodologi, analisis dapatan kajian, perbincangan hasil kajian dan seterusnya kesimpulan.

TINJAUAN LITERATUR

Aspek pengajaran al-Quran telah banyak dibincangkan terutamanya melibatkan anak kelainan upaya. Kajian-kajian sebelum ini banyak mengkaji tentang pendidikan al-Quran kepada anak kelainan upaya, kepentingan pendidikan al-Quran kepada anak istimewa, pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan kelainan upaya mental. Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) bagi orang kelainan upaya (OKU) memerlukan teknik dan kaedah yang sesuai dengan tahap mental kerana mereka mempunyai perbezaan dari segi kemampuan dan keupayaan fizikal dan mental (Siti Patonah et al. 2014: 159).

Syar Meeze et al. (2014: 32) pula menjelaskan bahawa orang kelainan upaya perlu diajarkan Pendidikan al-Quran dan Fardhu Ain (PAFA) dengan menggunakan kaedah bahasa isyarat (BIM) sebagai proses untuk memahami setiap pengajaran dengan baik. Guru juga perlu mempunyai minat untuk mendidik anak autisme dengan baik. Sekiranya, guru tidak mempunyai minat, kasih dan sayang dalam mendidik anak autisme, maka proses penyampaian ilmu itu tidak berjaya (Noornajihan et al. 2014: 438).

Pengajaran al-Quran perlu diajar kepada anak autisme kerana ianya berkesan bukan sahaja untuk diri mereka bahkan dapat membantu mereka belajar al-Quran dengan baik. Mohd Amzari et al. (2013: 74) menjelaskan bahawa terapi bunyi seperti muzik dapat menangani pelbagai masalah kesihatan dan mental dan terapi al-Quran juga memberi kesan positif terhadap hubungan pertuturan, pembelajaran dan interpersonal. Siti Patonah et al. (2013: 55) dan Evi & Meilan (2017: 60) menjelaskan bahawa terapi bunyi terutamanya yang melibatkan bacaan al-Quran boleh menjadi pengaruh positif dan medium untuk membantu anak-anak autisme menstabilkan emosi dan meningkatkan kemahiran bertutur.

Kajian Fariza & et al (2017: 178) pula menjelaskan tentang keperluan panduan syariah untuk ibu bapa dalam menangani perilaku seksual remaja autisme mendapati bacaan al-Quran boleh memberi ketenangan kepada jiwa remaja yang mengalami rangsangan seksual yang tidak dapat dikawal. Walaupun kajian tentang pembelajaran agama kalangan anak-anak autisme sudah mula berkembang, tetapi masih terdapat kekurangan berkaitan kajian tentang pendidikan al-Quran kepada anak autisme. Oleh itu, kajian ini merungkai kepentingan pengajaran al-Quran untuk anak autisme terutamanya dalam perkembangan psikologi mereka. Dapatan ini membuktikan tentang kepentingan mempelajari al-Quran kepada perkembangan psikologi anak-anak autisme.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui sesi temubual berstruktur yang dilakukan secara bersemuka. Merriam (1998: 35) menjelaskan penggunaan temu bual berstruktur bertujuan mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosio-demografik, umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Metode temu bual merupakan kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat kajian terus dari responden kajian. Proses temu bual dilakukan secara langsung melalui pertemuan dua mata atau melalui alat seperti internet dan telefon (Mok 2009: 9). Selain itu, temu bual boleh juga boleh didefinisikan sebagai perbualan yang mengambil tempat dengan sesuatu matlamat atau tujuan (Berg 2004:13).

Oleh itu, responden yang dipilih dalam kajian ini adalah mewakili dua kumpulan penting iaitu ibu bapa dan guru. Responden dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ianya mengkehendaki pengkaji menetapkan ciri-ciri tertentu yang hendak dipilih sebagai responden kajian. Cara ini sekaligus mengetepikan elemen-elemen dalam populasi yang tidak

memiliki ciri-ciri dikehendaki dari dipilih untuk menjadi responden (Ahmad Munawar & Mohd Nor 2014: 62). Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan persampelan bertujuan adalah kerana menetap dan mengutamakan ciri-ciri tertentu yang dipilih sebagai responden kajian. Ciri-ciri tersebut ialah individu yang memberi bimbingan atau menjaga anak-anak autisme iaitu ibu, bapa dan guru.

Oleh itu, responden kajian ini terdiri daripada 7 orang ibu bapa yang mempunyai anak autisme yang belajar di Yayasan Faqeh dan 5 orang guru yang mengajar anak autisme di Yayasan Faqeh. Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan Faqeh) dipilih sebagai tempat kajian kerana merupakan satu-satunya tempat yang mengutamakan pengajaran agama dan al-Quran untuk anak istimewa dalam sistem pengajiannya. Sesi temubual ini telah dirakamkan dan data temubual ditranskripsi. Dengan melaksanakan temu bual ini, pengkaji memperolehi maklumat yang tidak ada dalam dokumen atau pun yang terlepas pandang (Nik Suryani 2008: 14). Hanya data yang menunjukkan elemen pengajaran al-Quran dan kepentingannya kepada perkembangan psikologi anak autisme sahaja dibentangkan di dalam artikel ini. Pengkodan berikut digunakan untuk data temubual, iaitu IB (mewakili ibu bapa) dan G (mewakili guru). Nombor diberikan mengikut turutan responden, contohnya IB1, IB2, G1, G2.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian metodologi, sesi temubual telah diadakan dengan informan yang mewakili dua kumpulan iaitu ibu bapa dan guru. Dapatan kajian untuk analisis temubual dibahagikan mengikut dua kumpulan, seperti yang dinyatakan di bahagian metodologi dan mengikut dua konstruk utama iaitu aspek pengajaran al-Quran dan perkembangan psikologi anak autisme.

Jadual 1. Aspek Pengajaran al-Quran (Ibu Bapa)

Responden	Maklumbalas
IB1	Sibukkan dia dengan aktiviti seperti baca al-Quran , zikir-zikir, dan saya juga akan bantu dia lah sekadar yang mampu.
IB2	Ajar dia solat, ajar ngaji , macam-macam lah. Dia suka sangat pergi Faqeh. Bukan apa, tapi tu tanggungjawab kita lah. Kita kata dia anak syurga, tapi kita tak bawa pun dia jalan untuk ke syurga. Macam tu juga lah, kita nak syurga, tapi kita sorang je yang buat baik, tapi tak ajak dia, tak boleh juga.
IB3	Belajar kat Faqeh ni bukan sahaja ajar solat, puasa tapi ajar juga ajar al-Quran. Tu penting. Ada yang datang Faqeh tak dapat bercakap pun, bila dikenalkan dia dengan al-Quran, alhamdulillah dia dah boleh bercakap .
IB4	Kat Yayasan Faqeh, anak saya ni suka sangat, bukan setakat belajar je, kadang-kadang dia juga mengajar untuk melatih <i>social skill</i> dia. Dia belajar solat, belajar al-Quran , belajar macam-macam. Emm, dia boleh belajar dengan baik cuma ada masalah sikit tulisan dia lah, tak kemas.
IB5	Bila orang solat, sujud, dia sujud. Ruku', dia ruku'. Cuma dia tak boleh membaca lah sebab dia non-verbal. Sekarang pun masih sama cuma ada improvement sebab dia dah boleh baca certain-certain surah, dah boleh hafal . Melalui Yayasan Faqeh, dia mula boleh membaca, menghafal surah-surah. Melalui situ lah, dia boleh semua itu.
IB6	Kalau kita solat ramai-ramai, dia akan ikut. Anak saya ni jenis dia tahu tapi dia tak nak beritahu kita. Kalau contoh dia sedang baca surah al-Kauthar, kita tanya, dia diam je. Tapi, dia boleh baca la. Saya ingat dia tak tahu tapi bila dengar dia baca, terkejut juga saya . Memang banyak sangat perubahan bila anak saya ni di Faqeh dengan sekolah dia yang lain.
IB7	Anak saya pun suka dan selesa. Saya dan suami pun perasan banyak yang berubah pada anak saya sejak dia dengan Faqeh. Mungkin didikan al-Quran dapat mengawal anak saya ni .

Sumber: Kajian 2017

Memandangkan anak-anak autisme juga belajar di sekolah aliran perdana selain dihantar ke Yayasan Faqeh, responden diajukan soalan sama ada pengajaran al-Quran yang dipelajari anak mereka memberi kesan ataupun sebaliknya.

Jadual 1 menunjukkan dapatan yang diperolehi dari sesi temubual bersama ibu bapa yang mempunyai anak autisme. Maklumbalas yang diterima oleh responden telah menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran memberi kesan positif dalam diri anak autisme. Malah, responden juga turut mengakui bahawa anak autisme mereka gembira dan dapat mengikuti pengajaran al-Quran dengan sebaik mungkin.

Responden IB1, IB2, IB4, IB5 dan IB6 menjelaskan bahawa anak autisme dapat belajar al-Quran dengan baik. Malah, mereka juga mampu membaca al-Quran dengan baik sekalipun nampak seolah-olah mereka tidak peduli apa yang didengar oleh mereka. Manakala, menurut responden IB3 pengajaran al-Quran yang diterapkan kepada anak autisme mereka telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu anaknya mula bertutur apabila anaknya diajarkan al-Quran. Responden IB7 pula menjelaskan bahawa pengajaran al-Quran mampu memberi ketenangan dan mengawal tingkah laku anaknya dengan mempamerkan perlakuan yang baik hasil didikan al-Quran.

Kesimpulannya, pengajaran al-Quran adalah suatu perkara penting yang perlu ditekankan kepada anak autisme. Hal ini kerana, anak autisme bukan sahaja dapat belajar al-Quran bahkan membantu perkembangan tingkah laku yang baik. Pengajaran

al-Quran juga boleh membantu anak autisme yang baru bertutur agar diperdengarkan dan disebutkan kepada mereka perkara-perkara yang baik dan bermanfaat.

Jadual 2. Aspek Pengajaran al-Quran (Guru)

Responden	Maklumbalas
G1	Aktiviti-aktiviti kita di Faqeh ni tak sama dengan sekolah PPKI yang lain. Kita menjadikan pengajaran al-Quran sebagai teras. Seawal jam 8.00 pagi, kita akan baca rukyah. Kemudian, kita akan solat dhuha 4 rakaat, lepas tu aktiviti zikir dan selawat dan juga terapi atau <i>briefgym</i> . Lepas tu, baru lah bermula kelas untuk pengajian anak-anak kat Faqeh ni.
G2	Sini more kepada al-Quran dan ibadah termasuk hafazan, tilawah, ibadah dengan adab. Ada 4 semuanya.
G3	Aktiviti kat sini, pagi ada zikir, bacaan rukyah, solat sunat dhuha 4 rakaat kemudian kita mula dengan kelas hafazan, tilawah dan tahsin ibadah. Memang tu jadual rutin anak-anak kat sini, jam 12.30 mereka akan rehat, makan tengah hari, qailullah dan tunggu parents datang ambil.
G4	Kat sini kita berorientasikan al-Quran. Tu sebab kita namakan Yayasan Pendidikan Al-Quran Bagi Anak Istimewa atau Yayasan Faqeh. Kita utamakan al-Quran tapi dalam masa yang sama kita juga ajar pendidikan Islam dan tahsin ibadat
G5	Faqeh ni dia berorientasikan al-Quran. Dia more kepada al-Quran. Memang senang kata macam sekolah agama tapi untuk anak istimewa termasuk autisme.

Sumber: Kajian 2017

Responden yang terdiri dalam kalangan guru yang mengajar anak autisme juga ditemubual. Hasil dapatan berdasarkan Jadual 2 menunjukkan bahawa pengajaran al-Quran menjadi penekanan penting untuk guru-guru dalam mengajarkannya kepada anak autisme.

Responden G1, G2, G3, G4 dan G5 semuanya berpandangan bahawa Yayasan Faqeh amat menekankan pengajaran al-Quran kepada anak autisme. Selain pengajaran al-Quran, anak autisme turut diajar tahsin ibadah dan adab-adab dalam Islam. Memandangkan pengajaran al-Quran ini adalah rutin seharian anak-anak autisme, maka anak autisme mampu melaksanakan aktiviti pembelajaran ini dengan baik.

Kesimpulannya, pengajaran al-Quran perlu menjadi teras utama dalam pendidikan anak-anak pada hari ini termasuk anak istimewa seperti autisme. Pengajaran al-Quran bukan sahaja mampu membantu anak autisme untuk bertutur malah bertindak sebagai penawar dalam membantu menenangkan jiwa serta membantu perkembangan psikologi yang baik untuk anak autisme.

Jadual 3. Aspek Perkembangan Psikologi Anak Autisme (Ibu Bapa)

Responden	Maklumbalas
IB1	Biasanya, saya akan bersama-sama dia lah mengalunkan zikir ke, baca al-Quran. Sebab, saya rasa benda tu je yang mampu bantu dia. Selain tu, saya akan penatkan fizikal dia, supaya dia lebih fokus kepada pelajaran dia dan tak peduli sangat pada hal-hal seksualiti. Bila selalu dibacakan al-Quran pada dia, sebenarnya bantu anak autisme kawal seksualiti dia, bantu perkembangan diri juga.
IB2	Kalau nak anak tunjuk akhlak yang baik, kita dahulu yang kena tunjuk sikap yang baik dan positif. Kalau dia buat salah ke apa ke, terus tegur dan bagitahu ini tak boleh, ini boleh, macam tu lah. Kita kena ajar dia sendiri sebab kita ni mak bapa dia lagi rapat dan kenal anak kita sendiri.
IB3	Lebih kepada pengalaman kita sendiri dalam mendidiknya. Macam kat Faqeh ajar al-Quran. Kita pun ajar anak-anak ni dengan al-Quran sebab kita yakin al-Quran mampu memberi mereka kekuatan, lepas tu ajar zikir untuk tenangkan mereka. Budak-budak ni hati dia suci, bersih jadikan dengan al-Quran mampu, emmmm, dekatkan mereka semua ni dengan Allah.
IB4	Macam anak saya, macam kata mula-mula tadi, dia pelajaran Alhamdulillah okey, cuma masalah dia nak bergaul dan <i>social skill</i> dia je yang bermasalah. Dia boleh solat, puasa macam biasa. Lagi-lagi, bila kita hantar dia kat Yayasan Faqeh, dia ada peningkatan sikit.
IB5	Kita juga guna kaedah yang diajarkan Faqeh, macam kita guna <i>reward</i> seperti bintang untuk dia. Kita guna kaedah dosa pahala, syurga neraka dan mungkar nakir. Benda tu <i>simple</i> je, kita beli kad yang ada nama-nama malaikat, syurga neraka so, kita tekankan benda tu. Kita demo juga kat dia kalau dia tak percaya. Sangat berkesan lah sebab pernah juga dia kata kat ayah dia "ayah, jangan macam tu, nanti masuk neraka". Didik dengan baik, kita pun akan dapat yang baik-baik.
IB6	Anak saya sangat suka belajar kat Faqeh. Dia <i>first student</i> kat Faqeh sampai lah sekarang, cuma hari jumaat pergi ke Sekolah Menengah pula. Banyak berubah sejak belajar kat Faqeh, dah tak mudah mengamuk, masuk waktu nak solat, dan sukalah saya tengok dia sekarang ni.
IB7	Tu sebab akak hantar dia Faqeh apa semua tu, akak <i>happy</i> sebab dia ada satu lagi <i>environment</i> yang dia faham. Lagi-lagi Faqeh ni memang dia jaga benda-benda ni, sebab dia nak jaga baik-baik anak-anak ni. Kita pun boleh tengok dengan cara dia jaga, didik anak kita dengan penuh kasih sayang. Anak akak pun banyak berubah, kalau macam mengamuk je terus kita beritahu dia istighfar, terus dia buat. Dan kemudian, dia pun tenang.

Sumber: Kajian 2017

Responden turut diajukan soalan berkaitan aspek perkembangan psikologi anak autisme setelah melalui proses pembelajaran al-Quran. Kebanyakan responden yang terdiri daripada ibu bapa menjelaskan bahawa pengajaran al-Quran kepada anak autisme mampu membantu menenangkan emosi mereka dan tingkah laku psikologi mereka bertindak dengan cara yang baik.

Berdasarkan Jadual 3, responden IB1 menjelaskan bahawa pengajaran al-Quran membantu anaknya mengawal tingkah laku terutamanya seksualiti. Anaknya mampu mengawal tingkah laku seksual daripada menguasai diri dengan selalu berdampingan dengan al-Quran. Manakala, responden IB2 dan IB5 pula menjelaskan bahawa sesuatu didikan yang baik diberikan kepada anak autisme, maka mereka memperoleh apa yang diberikan kepada anaknya. Sebagai contoh, memberi didikan yang baik kepada anak autisme, maka anak mereka dapat melaksanakannya dengan baik. Responden IB3, IB4, IB6 dan IB7 berpandangan bahawa pengajaran al-Quran mampu memberi ketenangan bukan sahaja kepada psikologi anak autisme bahkan memberi ketenangan hati untuk mereka. Anak autisme mudah menerima teguran dan terus memperbaiki kesalahan yang dilakukan olehnya.

Kesimpulannya, pengajaran al-Quran ini jelas membantu perkembangan psikologi anak autisme kerana mereka dapat mempraktikkan apa yang dipelajari dalam kehidupan sehariannya. Sekalipun ada ketikanya anak autisme didatangi tantrum atau mengamuk tetapi al-Quran dan zikir-zikir yang diajarkan kepada mereka dapat membantu menenangkan hati serta sangat berkesan dalam aktiviti pembelajarannya. Apabila pengajaran al-Quran diperkenalkan dan ditekankan untuk anak autisme, mereka menerima dengan baik dan dapat membantu perkembangan psikologi mereka.

Jadual 4. Aspek Perkembangan Psikologi Anak Autisme (Guru)

Responden	Maklumbalas
G1	Lagipun, saya perasan kat sini, kita banyak dekatkan mereka dengan al-Quran, jadi dia lebih tenang. Tak ada masalah macam sekolah PPKI ke, integrasi ke.
G2	Macam ada seorang kat sini lah yang dia tak boleh bercakap, tapi bila guna kaedah hafazan kat sini, iaitu hafazan Akhyairee, iaitu kita potong-potong ayat al-Quran lepas tu minta dia cantumkan balik menjadi ayat al-Quran yang penuh, kita tengok dia boleh buat. Jadi, kita kira dia menghafal ayat al-Quran tu di hati. Macam tu lah yang saya nampak untuk anak-anak istimewa di sini.
G3	Dengan al-Quran kita dapat mengawal tingkah lakunya, mengawal perilakunya. Dekatkan mereka dengan al-Quran, dekatkan mereka dengan Allah supaya dia akan takut. Kalau mereka buat salah, kita juga akan minta mereka istighfar beberapa kali untuk cool down perasaan marah mereka. Dan, mereka lepas tu tenang dan banyak membantu emosi mereka sebenarnya al-Quran ni sendiri.
G4	Saya sendiri melihat ye, bila mereka dengan al-Quran, mereka sangat berdisiplin. Bila kita dekatkan mereka dengan al-Quran, dengan zikir-zikir secara automatiknya mereka sangat dekat dengan Allah. Bila mereka dekat dengan Allah, maka lagi lah doa-doa mereka tak terhijab.
G5	Kita nak kenalkan mereka ini dan rapat dengan al-Quran, zikir-zikir, doa-doa sebab kami percaya dan yakin bahawa ini yang mampu memberi perlindungan kepada mereka serta menenangkan hati mereka. Macam kat sini, emosi mereka sangat-sangat boleh dibentuk, dengan cara apa, al-Quran.

Sumber: Kajian 2017

Aspek perkembangan psikologi anak autisme juga ditanya kepada guru-guru dalam mendapatkan maklumat berkaitan pengajaran al-Quran membantu perkembangan psikologi anak autisme mahupun sebaliknya. Hal ini kerana, perkembangan psikologi anak autisme terutamanya dalam membesar dan memberi pendidikan yang terbaik untuk mereka adalah suatu perkara yang perlu diberi perhatian.

Responden G1, G2, G3, G4 dan G5 semuanya berpandangan bahawa pengajaran al-Quran sangat membantu perkembangan psikologi anak autisme. Ini kerana, melalui pengajaran al-Quran anak autisme dapat membantu memberi ketenangan buat hati mereka. Selain itu, pengajaran al-Quran juga membantu mengawal tantrum anak autisme, mengawal tingkah laku luar kawalan dan tingkah laku seksual. Melalui pengajaran al-Quran yang sudah menjadi rutin anak autisme di Yayasan Faqeh sangat membantu anak autisme terutamanya membantu dalam perkembangan psikologi mereka.

Kesimpulannya, bukan sahaja ibu bapa bahkan guru yang mendidik anak autisme juga menyedari bahawa pengajaran al-Quran bukan hanya untuk mengajarkan mereka membaca al-Quran semata-mata tetapi juga bertindak sebagai penawar dan sangat membantu dalam perkembangan psikologinya. Sekalipun anak autisme dikatakan mudah tantrum, sukar dikawal, mempunyai pelbagai karenah tetapi pengajaran al-Quran terbukti mampu membantu anak autisme menenangkan diri mereka dengan cara yang baik sekali. Ini juga memberi kesan positif kepada ibu bapa dan guru untuk terus mengajarkan kepada anak autisme mereka dengan pengajaran al-Quran agar ianya dapat digunapakai dalam mengharungi kehidupan moden pada hari ini.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Perbincangan hasil kajian berdasarkan kepada satu elemen yang penting iaitu kepentingan pengajaran al-Quran untuk perkembangan psikologi anak autisme. Dapatan yang diperolehi adalah daripada temu bual yang telah dijalankan bersama-sama ibu bapa dan guru untuk mendapatkan maklumat tentang pengajaran al-Quran boleh membantu perkembangan psikologi anak autisme ataupun sebaliknya.

Secara keseluruhannya, berdasarkan temubual yang dilakukan terhadap responden yang terdiri daripada ibu bapa dan guru menunjukkan pola yang positif apabila mereka berpandangan sama iaitu pengajaran al-Quran bukan sahaja mampu mengajar anak autisme membaca al-Quran bahkan ianya juga mampu membantu menenangkan anak autisme dan mengawal tingkah laku mereka. Responden turut menjelaskan bahawa rutin harian anak autisme yang dihubungkan dengan pengajaran al-Quran membantu bukan sahaja emosi tetapi juga membentuk psikologi yang baik.

Pengajaran al-Quran adalah penting kerana bukan sahaja memberi ketenangan kepada jiwa dan emosi bahkan pengajaran al-Quran adalah penawar atau syifa'. Al-Quran wajib diajar dan didedahkan kepada anak autisme dalam usaha memberi didikan dan ibu bapa dapat mengamalkan ayat-ayat di dalam al-Quran sebagai penawar untuk membantu anak autisme dalam kehidupan seharian mereka. Ianya sebagaimana firman Allah SWT:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ٨٢

Maksudnya: (Demikianlah) peraturan (Kami yang tetap mengenai) orang-orang yang telah Kami utuskan sebelummu dari Rasul-rasul Kami dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan bagi peraturan Kami yang tetap itu.

(al-Quran, al-Isra 17: 82)

Selain itu, kepentingan pengajaran al-Quran juga dapat membantu perkembangan psikologi anak autisme mengawal tingkah laku tantrum. Antara kaedahnya ialah melalui terapi bunyi al-Quran. Terapi bunyi kaedah al-Quran ini juga dapat menyelesaikan masalah emosi dan kemahiran motor pertuturan anak autisme. Sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Siti Patonah et al. (2013: 55) menjelaskan bahawa terapi bunyi terutamanya yang melibatkan bacaan al-Quran dilihat sebagai satu medium yang dapat membantu anak-anak autisme menstabilkan emosi dan meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Evi & Meilan (2017: 60) juga berpandangan yang sama dalam kajiannya iaitu menjelaskan bahawa terdapat pengaruh positif apabila diperdengarkan dan dibacakan al-Quran kepada anak autisme. Mereka dapat tenang dan bahagia ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Kaedah terapi al-Quran yang diterapkan kepada anak autisme dapat membiasakan mereka dengan ayat-ayat yang baik sekaligus menjadi pencetus positif meningkatkan emosi dan pertuturan anak autisme supaya menjadi lebih baik.

Seterusnya, pengajaran al-Quran penting untuk perkembangan psikologi anak autisme mengawal tingkah laku tantrum dan seksualiti anak autisme. Tantrum dapat dikawal apabila anak autisme didedahkan dengan terapi bunyi seperti terapi al-Quran. Terapi bunyi kaedah al-Quran ini juga dapat menyelesaikan masalah emosi dan kemahiran motor pertuturan anak autisme. Sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Siti Patonah et al. (2013: 55) menjelaskan bahawa terapi bunyi terutamanya yang melibatkan bacaan al-Quran dilihat sebagai satu medium yang dapat membantu anak-anak autisme menstabilkan emosi dan meningkatkan kemahiran bertutur mereka. Mereka dapat tenang dan bahagia ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Kaedah terapi al-Quran yang diterapkan kepada anak autisme dapat membiasakan mereka dengan ayat-ayat yang baik sekaligus menjadi pencetus positif meningkatkan emosi dan pertuturan anak autisme supaya menjadi lebih baik.

Sekalipun mereka diklasifikasikan sebagai ketidakupayaan, tetapi isu seksualiti juga berlaku kerana perubahan hormon dalam diri mereka sama seperti anak tipikal yang lain. Antara masalah seksualiti yang sering berlaku kepada anak autisme ialah suka menonton filem yang berunsurkan ganas dan ghairah, hubungan bebas lelaki dan perempuan, gemar merangsang seksualiti di alat kelamin dan lain-lain lagi. Malah, adakalanya mereka turut menjadi mangsa seksualiti oleh manusia normal. Fariza et al. (2017: 171) mengatakan bahawa anak autisme perlu dikawal dengan banyak mendekati mereka kepada pengajaran al-Quran. Pengajaran al-Quran mampu mengurangi dan menangani perilaku seksual dalam kalangan anak autisme. Tatacara memberi pendidikan perlu bermula daripada ibu bapa lagi seperti mengajar anak autisme mengenal al-Quran dari usia kecil lagi, mengajarnya membaca, menghantar anak autisme ke kelas pengajian agama dan memberi hadiah sebagai galakan apabila telah dapat membaca al-Quran dengan baik.

Oleh itu, pengajaran al-Quran juga dapat membantu anak autisme dalam melaksanakan kewajipan sekadar yang termampu dilakukan oleh mereka seperti solat. Sekalipun mempunyai ketidakupayaan seperti anak tipikal yang lain, ibu bapa perlu memberi didikan agama dan pengajaran al-Quran agar anak autisme dapat menunaikan kewajipan dengan sebaik mungkin. Tidak menjadi kesalahan memberi pelbagai intervensi kepada anak autisme namun tidak boleh juga sama sekali menyetepikan pengajaran al-Quran sejak dari usia kecil mereka lagi. Hal ini kerana, pengajaran al-Quran bukan sahaja memberi ketenangan buat jiwa tetapi memberi panduan kepada mereka untuk mendisiplinkan diri dalam menunaikan kewajipan sekadar yang termampu yang dilakukan oleh anak autisme.

Justeru, ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi anak-anak. Didikan awal yang sempurna boleh menjamin kejayaan anak-anak di masa hadapan agar tidak terjebak atau terjerumus kepada perkara atau perbuatan yang negatif (Halimah & Kamariah 1993). Menurut Hamachek (1995: 65), pembentukan perlakuan anak bermula dari rumah. Suasana keluarga yang tidak harmoni, tanpa kasih sayang daripada ibu bapa mendorongnya mencari kebahagiaan dan keseronokan di luar rumah bersama rakan. Oleh itu, ibu bapa perlu memastikan segala keperluan dan kelengkapan anak autisme disediakan dengan sebaik mungkin terutamanya melibatkan pendidikan al-Quran.

Selain ibu bapa dan guru, anak autisme juga memerlukan kepada panduan yang baik agar dapat membantu dan mengarah mereka membesar dengan baik. Para pendakwah dan orang yang menyampaikan dakwah perlu mempunyai ilmu perkembangan psikologi anak-anak agar dapat membina kemahiran psikologi ketika menyampaikan dakwah. Pengetahuan ini pasti memberi perkembangan sihat dan keyakinan dalam menghadapi kehidupan yang lebih tabah di masa hadapan (Fariza 2015: 99).

KESIMPULAN

Kajian ini bakal membuka satu paradigma baru kepada ibu bapa dan guru-guru, terutamanya dalam memberi didikan dan bimbingan yang sebaiknya kepada anak autisme ini dalam menekankan pengajaran al-Quran sejak kecil lagi. Sikap tidak peduli dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak autisme tentang keperluan menekankan pendidikan al-Quran perlu ditepis kerana sekalipun mereka mempunyai ketidakupayaan dan terbatat melakukannya, ibu bapa tidak boleh sama sekali menafikan hak mereka. Ibu bapa terutamanya perlu memberikan didikan yang terbaik untuk anak mereka. Kajian ini penting kepada ibu bapa dan guru serta masyarakat kerana dapat diterapkan dalam pengajaran al-Quran dalam membantu memudahkan anak autisme belajar al-Quran dengan baik. Malah, al-Quran juga mampu memberi penawar kepada kehidupan mereka sekaligus mencegah daripada melakukan perkara-perkara yang tidak sepatutnya.

Bukan itu sahaja, kajian ini dilihat mampu menyumbang kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang terbaik untuk anak autisme dalam pendidikan al-Quran. Tidak disangkal bahawa anak autisme memerlukan terapi, pengurusan diri yang terbaik dan aktiviti-aktiviti untuk fizikal mereka, bahkan mereka juga memerlukan kepada aktiviti kerohanian agar dapat mendidik diri mereka menjadi insan yang lebih baik. Oleh itu, secara tidak langsung kajian ini dapat membuka ufuk pemikiran ke arah memulakan pendidikan al-Quran daripada peringkat awal lagi agar dapat menangani tingkah laku anak autisme.

Pengajaran al-Quran merupakan antara perkara penting dan perlu diberikan penekanan sejak usia kecil lagi. Sekalipun dikatakan anak autisme mempunyai masalah ketidakupayaan atau sukar dalam berkomunikasi tetapi mereka perlu diajar dengan bacaan ayat-ayat al-Quran sekadar yang termampu dilakukan oleh mereka. Oleh sebab terdapat segelintir anak autisme yang mampu menghafal al-Quran pada hari ini dan terdapat juga anak autisme yang boleh bertutur selepas diperkenalkan dan diajarkan al-Quran maka tidak salah sekiranya model pengajaran al-Quran diajarkan juga kepada anak autisme yang lain. Hal ini kerana, apabila al-Quran diperdengarkan dan dibacakan kepada mereka dapat membantu perkembangan emosi dan psikologi yang baik.

Secara keseluruhannya, pengajaran al-Quran adalah penting kepada perkembangan psikologi anak autisme. Ianya tidak boleh sesekali diabaikan oleh ibu bapa. Ibu bapa dan guru perlu mengajarkan al-Quran dalam memberi didikan dan bimbingan kepada anak autisme dalam kehidupan mereka. Mereka tidak boleh sesekali mengabaikan aspek agama dan kerohanian dalam usaha mendidik remaja autisme sekalipun mereka mempunyai kesukaran untuk memahami arahan dan memberi respon terhadap sesuatu perkara yang telah dilakukan.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Galakan Penyelidikan (GGP-2017-009), Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk 'Pembinaan Garis Panduan Literasi Undang-undang Kesalahan Jenayah Seksual Autism'.

Penghargaan turut diberikan kepada Geran FRGS/1/2014/SSI03/UKM/02/1 yang bertajuk 'Garis Panduan Syariah Untuk Ibu Bapa Dalam Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme'.

RUJUKAN

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2014. *Mengenali Kuantitatif Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Berg, B. L. 2004. *Qualitative Research Methods for The Social Sciences*. Fifth Edition. Boston: Pearson.

Evi Chamalah & Meilan Arsanti. 2017. *Al-Quran Speech Therapy for Children with Autism*. Jurnal Pendidikan Humaniora. Vol. 5, No. 2. 58-63.

Fariza Md Sham, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Siti Norlina Muhamad, Rosmawati Mohamad Rasit & Salmihah Che Mud. 2017. *Menangani Masalah Remaja Autisme*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd.

Fariza Md Sham, Salmihah Che Mud, Manisah Mohd Ali, Zuliza Mohd Kusrin, Rosmawati Mohamad Rasit & Siti Norlina Muhamad. 2017. *Panduan Syariah untuk Ibu Bapa Menangani Perilaku Seksual Remaja Autisme*. Jurnal Hadhari Edisi Khas. 169 – 182.

Fariza Md Sham. 2015. *Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja*. Jurnal Al- Hikmah. 95-101.

Halimah Ab.Rahman & Kamariah Ibrahim. 1993. *Pengurusan dan Pengelolaan Pusat Pra Sekolah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Hamachek, D. 1995. *Psychology in teaching, learning and growth*. Boston: Allyn and Bacon.

Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Second Edition. San Francisco: Jossey-Bass.

Mohd Amzari Tumiran, Siti Patonah Mohamad, Rohaida Mohd Saat, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2013. *Addressing Sleep Disorder of Autistic Children with Qur'anic Sound Therapy*. Health. Vol. 5, No. 8A2. 73-79.

Mok Soon Sang. 2009. *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia.

Nik Suryani Nik Abdul Rahman. 2008. *A Practical Guide to Interviewing In Educational Research*. Kuala Lumpur: Centre for Teaching & Learning.

Noornajihan Jaafar, Norakyairree Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Norzulaili Mohd Ghazalid, Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Syed Najihuddin Sted Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh & Mohd Isa Hamzah. 2014. *Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi*. Creative Education. 435-444.

Salmihah Che Mud, Fariza Md Sham & Zuliza Mohd Kusrin. 2016. *Keperluan Agama dalam Mendidik Perilaku Seksual Remaja Autisme: Kajian di Yayasan Faqeh*. Persidangan Kebangsaan Autisme Malaysia 2016. 1-3 April. Johor Bahru: UTHM.

Siti Patonah Mohamad. Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Durriyah Sharifah Hasan Adli. 2013. *Terapi Bunyi Melalui Bacaan Al-Quran Bagi Masalah Emosi dan Kemahiran Motor Pertuturan Kanak-kanak Autistik*. QURANIKA, International Journal of Quranic Research. Vol. 5, Issue 2. 53-72.

Siti Patonah Mohamad, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. 2014. *Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis dari Sumber Tradisi Islam*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 8. 153-168.

Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Nazean Jomhari, Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff & Zahiah. 2014. *Kepentingan Bahasa Isyarat (BIM) dalam Pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Terhadap Komuniti Pekak*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Bil. 2, isu 4. 27-33.

Salmihah Che Mud
Institute Islam Hadhari
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Fariza Md Sham
Faculty of Islamic Studies
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Manisah Mohd Ali
Faculty of Education
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Zuliza Mohd Kusrin
Faculty of Education
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)